

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 13 March 2016   |

## Kerajaan pastikan era digital dinikmati semua rakyat - PM

UM - 13/3/2016

**KUCHING 12 Mac** - Kerajaan akan memastikan dunia baharu yang melambangkan ekonomi baharu atau era digital dapat dinikmati oleh semua rakyat di seluruh pelusok negara ini kerana menyedari dimensi alam maya mampu membawa perubahan yang sangat besar kepada Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bagi mencapai tujuan itu, kerajaan akan mempergiat dan memperkenalkan langkah-langkah yang lebih sesuai bagi meningkatkan keupayaan penggunaan digital kepada masyarakat di negara ini.

"Kalau sebelum ini apabila kita mahu melakukan apa-apa majlis, kita memberi tumpuan kepada soal fizikal, kita melihat kepada produk, kita melihat kepada barangan tetapi ada satu dunia baharu, dimensi baharu yang melambangkan apa yang kita sebut sebagai ekonomi baharu atau era digital iaitu dimensi alam maya yang mesti kita bawa supaya kita tidak mundur.

"Sebab itulah di Sarawak hari ini, kita melancarkan Program Malaysia Inklusif Negara Digital (Minda). Dua perkataan yang signifikan iaitu inklusif bermaksud kita mahu memastikan setiap ceruk, pelusok, sudut dalam Malaysia termasuk Sarawak mesti dibangunkan dalam erti kata yang

sebenar.

"Kita mahu memastikan bahawa era digital ini dapat dikecapi oleh rakyat negeri Sarawak dan seluruh Malaysia walau di mana sahaja mereka berada kerana era digital membawa perubahan sangat besar," katanya dalam ucapan ketika melancarkan Minda di Tebingan Kuching di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohd. Salleh Keruak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Perumahan dan Pelancongan negeri, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg serta Ketua Wanita UMNO merangkap Penasihat Bersama Minda, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Minda merupakan program berjiwa rakyat yang bermatlamat menghubungkan rakyat, membina masyarakat bermaklumat dan merangsang ekonomi digital.

Program kebangsaan ini menjadi landasan terbaik bagi kementerian dan agensi-agensi kerajaan membantu rakyat mendepani pelbagai cabaran era digital yang semakin berkembang di negara ini.

Mengulas lanjut, Najib berkata, perkembangan era digital menyebabkan rakyat negara ini kini

sudah berubah cara berkomunikasi di mana jika dahulu komunikasi adalah dalam bentuk 'muka ke muka' tetapi sekarang melalui laman sosial Facebook.

"Malaysia merupakan antara negara tertinggi menggunakan Facebook di dunia. Saya dengar khabar, purata mereka yang mengamalkan komunikasi melalui Facebook ini menghabiskan masa selama 5 hingga 6 jam sehari untuk mengendalikan Facebook masing-masing.

"Kalau dari segi telefon mudah alih pula, kita mempunyai bilangan telefon bimbit dan telefon pintar melebihi jumlah penduduk Malaysia, juga antara tertinggi di dunia," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, kerajaan akan terus menambah baik liputan talian komunikasi di bandar-bandar utama dan pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) Fasa 2 dengan kerjasama sektor swasta yang melibatkan pelaburan sebanyak RM1.8 bilion.

Beliau berkata, inisiatif tersebut dijangka menyediakan liputan dan kemudahan tambahan terutama di kawasan bandar yang memberi manfaat kepada 2.8 juta isi rumah di seluruh negara serta peningkatan kelajuan internet kepada 10 megabit per saat (Mbps).